



BAB

1

Pengenalan kepada Penyelidikan

1.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan menghuraikan konsep atau definisi penyelidikan, kaedah saintifik dan ciri-ciri keilmuan. Tambahan pula, bab ini akan menjelaskan tentang hubungkait antara penyelidikan dengan pengetahuan dan ilmu, serta perbezaan antara ilmu dan pengetahuan. Selain itu, matlamat penyelidikan, fungsi penyelidikan dan proses penyelidikan, serta pelbagai jenis penyelidikan akan dijelaskan dengan lebih lanjut demi membuat kefahaman kepada penyelidikan.

1.1 KONSEP PENYELIDIKAN

Penyelidikan boleh didefinisikan sebagai kajian secara terperinci, teratur, berterusan dan kritis dalam mencari fakta dan prinsip terhadap sesuatu masalah sehingga mendapat penyelesaian yang tepat terhadap masalah tersebut. Penyelidikan juga merupakan proses mendapatkan kenyataan yang dilakukan secara sungguh dalam jangka waktu yang panjang. Penyelidikan mempunyai beberapa ciri, antaranya penyelidikan harus mengandungi sumbangan atau nilai tambah iaitu pertambahan terhadap perbendaharaan ilmu pengetahuan dan teknologi yang sedia

ada, serta kesahihan yang ada dalam sumbangan penyelidikan mempunyai perbezaan dan tahap sumbangan ini akan menentukan kualiti penyelidikan.

Secara umumnya, penyelidikan dapat dinyatakan sebagai kegiatan meneliti sesuatu kejadian atau barangan tertentu dengan menggunakan kaedah saintifik (*scientific methods*). Dengan kaedah saintifik tersebut, penyelidikan dapat dilakukan untuk memenuhi tiga perkara, iaitu mendapatkan *data* untuk *tujuan* tertentu dan untuk *kegunaan* tertentu. Tambahan pula, kaedah saintifik boleh dikatakan sebagai usaha untuk menyelesaikan atau mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah atau jawapan terhadap sebuah pertanyaan melalui prosedur yang sistematik dengan bukti-bukti objektif yang meyakinkan. Namun, perlu diingatkan bahawa kaedah saintifik pada dasarnya mempunyai persamaan antara kaedah ilmu semula jadi dan ilmu sosial. Namun, perkara yang membezakannya adalah aspek-aspek teknikal, kaedah berfikir, dan metodologinya.

Selain itu, kaedah saintifik boleh juga dikatakan sebagai prosedur dalam mendapatkan pengetahuan yang disebut ilmu. Dengan menggunakan kaedah saintifik, penyelidikan dilakukan berdasarkan ciri-ciri keilmuan iaitu rasional, empirikal dan sistematik. Kaedah saintifik mempunyai kriteria tertentu iaitu berdasarkan fakta, bebas prasangka, menggunakan prinsip-prinsip analisa, menggunakan hipotesis yang akan diuji dan menggunakan ukuran-ukuran objektif. Ciri empirikal merupakan kaedah yang dapat dilakukan oleh deria manusia yang dapat dilihat oleh orang lain dan mengetahui cara-cara yang digunakan. Manakala ciri rasional ialah penyelidikan yang dilakukan dengan kaedah yang logik atau masuk akal yang mampu difikirkan oleh logik manusia. Logik atau masuk akal adalah kesesuaian dengan logik atau peraturan berfikir yang ditetapkan dalam cabang ilmu pengetahuan yang berkenaan iaitu definisi, peraturan, kesimpulan induktif, kebarangkalian, ataupun pengiraan yang merupakan bentuk logik yang menjadi landasan ilmu pengetahuan. Sistematik bermakna bekerja menurut suatu